

# **DARAH MENGALIR DI PASIR SALAK**

84-65

# DARAH MENGALIR DI PASIR SALAK

Oleh:  
A. Talib Haji Ahmad



1978

PENERBITAN PUSTAKA ANTARA  
KUALA LUMPUR

Penerbitan Pustaka Antara,  
399-A, Jalan Tuanku Abdul Rahman,  
Kuala Lumpur.

© Pustaka Antara  
Cetakan Pertama ..... 1961  
Cetakan Kedua ..... 1978

650.5.1.1.1  
Aja

Dicetak oleh:  
Percetakan Polygraphic Sdn. Bhd.,  
Kuala Lumpur.

326902  
APB

11 JUL 1985



## KANDUNGAN

*halaman*

KATA PENGANTAR	vi
1. PERAK SEBELUM DAN SESUDAH SULTAN ALI	1
2. KONSEP PENJAJAHAN INGGERIS	6
-- Sultan Ali Menghindarkan Penjajahan	
3. PENJAJAHAN BERMULA DI PANGKOR	13
-- Sultan Abdullah Diangkat Menjadi Raja	
4. SESUDAH PERJANJIAN PANGKOR	20
-- Sultan Ismail Diberi Pengakuan De-facto	
5. KISAH MAT SAMAN	24
-- Perhambaan Dihapuskan	
-- Kuasa Politik Sultan Lumpuh	
6. DARAH MENGALIR DI PASIR SALAK	29
-- Lawatan Birch	
-- Surat Palsu	
-- Rombongan Tiba	
7. LAPORAN MAT SAMAN DIPUTAR-BELITKAN	34
8. INGGERIS MENYERANG SELURUH PERAK	38
9. PERDAMAIAN: RAJA DAN ORANG-ORANG BESAR YANG TIDAK DIINGINI DISINGKIRKAN	42
-- Datuk Maharaja Lela digantung	
-- Sultan Abdullah Dibicarakan	
-- Sultan Ismail Berlindung Di Johor	
10. PERAK SELEPAS PERANG	47
-- Sultan Idris Shah	
11. KISAH MAT SAMAN DAN SI BUNGA	50
-- Pertemuan Di Luar Sangkaan	

## KATA PENGANTAR

Para Pembaca budiman,

Buku saya kali ini ialah peristiwa sejarah yang berlaku dalam tahun 1874-1922 di negeri Perak, bagaimana pihak Inggeris memainkan diplomasinya untuk menjajah negeri kita.

Saya namakan buku ini DARAH MENGALIR DI PASIR SALAK ialah untuk mengingati roh-roh pejuang-pejuang bangsa yang telah gugur ke bumi akibat putar belit diplomasi Inggeris di zaman yang silam.


Saya sajikan buku ini kepada pembaca budiman agar dapat kita mengingati sejarah tanah air, dan di samping itu menokok usaha memperkayakan lagi alam kesusteraan kita dengan buku-buku sejarah.

Kepada para pembaca budiman saya ingin menyatakan bahawa buku ini tidak akan dapat saya selenggarakan, sekiranya tidak dengan bantuan, dan petunjuk daripada orang-orang tua di tanah air kita yang masih ingat akan peristiwa-peristiwa yang silam itu.

Kepada orang-orang tua yang memberikan saya keterangan-keterangan dan pedoman mengenai sejarah ini, saya ucapkan terima kasih yang tidak terhingga. Dan saya berdoa ke hadrat Allah yang maha kuasa untuk membala jasa mereka yang besar erti-nya kepada saya.

Salam hormat dari saya,  
**A. Talib bin Haji Ahmad.**

November, 1961.  
Kuala Lumpur.



## PERAK

### 1. SEBELUM DAN SESUDAH SULTAN ALI

**N**EGERI PERAK, sejak zaman Al Marhum Kohor lagi — sebelum Sultan Ali menjadi Sultan — telah terkenal dengan kekayaan hasil buminya — bijih.

Daerah-daerah yang mula-mula sekali mengeluarkan bijih, ialah Larut dan Kinta.

Kekayaan daerah-daerah tersebut dengan hasil buminya tidak hanya menyebabkan Larut dan Kinta menjadi tumpuan pihak Inggeris — di masa itu telah menjajah Melaka, Pulau Pinang dan Singapura — bercita-cita untuk menjadikan negeri Perak sekurang-kurangnya sebagai negeri yang bernaung di bawah kekuasaannya.

Dalam usahanya untuk mencapai tujuan menjadikan Perak negeri naungannya maka pihak Inggeris telah mengkaji sedalam-dalamnya tentang kedudukan dan cara-cara pemerintahan Sultan Ali yang memakai adat Temenggung — adat berkasta-kasta — ada golongan bangsawan (Raja dan keturunannya), golongan pertengahan (orang-orang besar dan saudagar-saudagar), dan golongan “diwek” (rakyat jelata).

Pihak Inggeris menjalankan kajian itu ialah untuk mencari kesempatan untuk memainkan diplomasi yang halus untuk menjajah, sekurang-kurangnya iktisad negeri Perak.

Corak Pemerintahan Kerajaan Fuedalis Melayu Perak sejak zaman Al Marhum Kohor sehingga Inggeris menakluki Perak di bawah perjanjian Pangkor ialah mengikut adat Temenggung berasal dari pengaruh Hindu yang dibawa oleh puak Brahman dari India.

Kuasa pemerintahan negeri dibahagi-bahagikan kepada tiga orang menteri yang berkuasa penuh, iaitu Datuk Laksamana, Datuk Maharaja Lela, dan Datuk Temenggung.

Datuk Laksamana berkuasa penuh di seluruh kawasan laut, dan pantai. Dia dibantu oleh Datuk Shah Bandar.

Datuk Maharaja Lela berkuasa penuh di darat. Beliau berlaku sebagai panglima perang, dan menjalankan segala pertadbiran di darat. Keputusannya adalah muktamad.

Datuk Temenggung berkuasa penuh mengenai adat istiadat Melayu. Kedudukannya adalah juga sebagai hakim besar yang menjatuhkan hukum atau mengadili setiap kesalahan terhadap adat istiadat Melayu.

Ketiga-tiga orang menteri yang berkuasa penuh ini mempunyai pengikut atau hulubalang-hulubalang yang perkasa untuk menegakkan kedaulatan Sultan, dan kekuasaan masing-masing.

Di bawah ketiga-tiga menteri itu ialah orang-orang besar negeri yang berkuasa penuh di kawasan masing-masing. Kedudukan mereka tak ubah seperti raja di daerah masing-masing.

Hukum-hukum, adat istiadat, pemungutan cukai semuanya di tangan orang-orang besar negeri. Mereka mempunyai pengiring-pengiring yang lengkap dengan

alat senjata yang digelarkan, juak orang-orang besar. Makan dan pakaian semuanya ditanggung. Pemerintahan cara berorang besar ini adalah serupa keadaannya dengan pemerintahan di England yang pada suatu masa dahulu dikuasai oleh Lord-Lord.

Pendek kata, menurut corak pemerintahan fuedalis Melayu di Perak di zaman itu, selain dari Raja dan menteri-menterinya, maka datuk-datuk atau orang-orang besar negerilah yang bertanggungjawab dalam serba serbi urusan kenegaraan. Merekalah ahli politik, adat, hukum, dan undang-undang Melayu.

Dari sistem fuedalis Perak itu, lahir tiga kasta:

Kasta atasan terdiri Raja, anak-anak Raja, dan kaum bangsawan Melayu.

Kasta pertengahan terdiri dari orang-orang yang cerdik pandai dan saudagar-saudagar.

Kasta diwek atau paria terdiri dari rakyat jelata yang miskin, papa dan lemah.

Dan dari masyarakat berkasta inilah timbul perbezaan hidup antara satu golongan dengan golongan yang lain.

Bagi menjalankan kajiannya sedalam-dalamnya mengenai pemerintahan Sultan Ali, pihak Inggeris telah menyebarkan pengaruhnya dengan berbuat baik dalam lapangan perdagangan dengan semua golongan iaitu golongan bangsawan, pertengahan dan bawahan.

Tetapi sebelum pihak Inggeris dapat mempengaruhi Sultan dengan sepenuhnya, seperti mengadakan perjanjian perdagangan dan lain-lain, maka suatu kejadian yang menggembirakan mereka telah berlaku. Sultan Ali mangkat.

Selepas Sultan Ali mangkat dalam tahun 1871 maka satu perbalahan yang sengit telah berlaku di

antara orang-orang besar negeri. Persengketaan ini mungkin ditimbulkan oleh hasutan diplomasi Inggeris, telah menyebabkan negeri Perak berpecah dua — Utara dan Selatan — dengan mempunyai dua orang Raja.

Kedua-dua bahagian itu, masing-masing mempunyai Sultannya sendiri. Bahagian utara atau lebih jelas Ulu Perak (dari Batu Gajah hingga ke sempadan Siam dan Kedah) berajakan, Sultan Ismail. Dan bahagian Hilir Perak (Selatan) (dari Pasir Salak hingga ke sempadan Selangor) berajakan Sultan Abdullah.

Perbalahan yang menyebabkan negeri Perak berpecah dua, dan mempunyai dua buah kerajaan, berpunca dari perselisihan menentukan siapakah Raja yang berhak menduduki tahta kerajaan Perak. Datuk Laksamana, Datuk Maharaja Lela, dan Datuk Sagor mahukan Sultan Abdullah menjadi raja, sementara Datuk Menteri Larut, Datuk Temenggung dan Datuk Panglima Kinta mahukan Sultan Ismail.

Setelah kedua-dua pihak orang-orang besar itu tidak mencapai kata sepakat, maka mereka pun menabalkan Sultan masing-masing.

Pihak Inggeris hanya memerhatikan perkembangan politik — kalaupun boleh dikatakan politik — dalam negeri Perak itu. Inggeris menganggap bahawa perkembangan itu tidak ubah seperti pepatah Melayu: "pucuk dicita ulam mendatang" atau "mata mengantuk disorongkan bantal."

Walaupun begitu, pihak Inggeris, setelah mempelajari sehalus-halusnya perkembangan itu, berpendapat bahawa masanya belum tiba baginya campurtangan. Inggeris yakin bahawa jika ia campurtangan maka ia sendiri akan mengalami kerugian besar.

Orang-orang Perak akan bangun bersatu menentang anasir-anasir luar yang mengganggu urusan negerinya.

Sementara menunggu keadaan yang sesuai untuk bertindak, pihak Inggeris terus menerus meluaskan pengaruhnya ke atas semua peringkat orang-orang Melayu Perak.

Usaha Inggeris itu tidak sia-sia, apabila Sultan Abdullah dan orang-orang besarnya dapat dipengaruhi supaya bernaung di bawah Bendera Union Jack mengikut perjanjian Pangkor, dan menerima J.W.W. Birch sebagai penasihat (British Resident). Birch kemudian telah berusaha dengan giat untuk meyakinkan Sultan Abdullah bahwa Inggeris adalah bercita-cita membantu baginda, dan rakyat Perak untuk mencapai kemajuan dalam serba serbi lapangan seperti keadaan negeri-negeri yang maju di barat. Taraf "His Majesty" (Seri Paduka Baginda), dan pengakuan ke atas "kedaulatan" Baginda telah membolehkan kerajaan Inggeris secara langsung campurtangan dalam hal ehwal negeri Perak.

Serentak dengan usaha memperkuat kedudukannya di Hilir Perak yang berajakan Sultan Abdullah, Inggeris memberi pengakuan de-facto kepada kerajaan Sultan Ismail di Ulu Perak dengan mengadakan hubungan persahabatan dan perdagangan. Inggeris terus menerus memainkan muslihat mengadu-dombaikan Raja-raja serta orang-orang besar Melayu sementara menunggu saat yang baik untuk meluaskan tanah-tanah jajahannya.

## **2. KONSEP PENJAJAHAN INGGERIS**

Demi kepentingan perdagangan, Kerajaan British yang telah bertapak kuat di Negeri-negeri Selatan — Singapura, Pulau Pinang dan Melaka — sejak tahun 1851 lagi telah berusaha giat hendak menakluk seluruh Negeri-Negeri Melayu. Inggeris menyedari bahawa sekiranya ia terburu-buru memulakan penaklukan maka Raja-raja, orang-orang besar dan rakyat jelata Melayu tetap akan memberi penentangan berhabis-habisan. Penentangan ini telah dibuktikan terhadap Portugis dan Belanda sehingga kedua-dua negara penjajah itu berasa seakan-akan berada dalam neraka di Negeri Melaka.

Inggeris mempelajari segala kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh Portugis dan Belanda di Melaka. Kuasa mereka tidak dapat berkembang ke seluruh negeri kecuali di kota-kota yang dipertahankan dengan menelan belanja yang banyak kerana orang Melayu tidak henti-henti mengadakan perlawanan. Bangsa yang merdeka tidak rela dijajah oleh sesiapapun. Bangsa Melayu yang cintakan kemerdekaan dan kehormatan dirinya telah meneruskan perang kebebasan sehingga ke anak cucunya. Setelah mempelajari budi pekerti orang-orang Melayu yang tidak gentar mati mempertahankan kemerdekaan dan rela berkorban dengan tidak banyak bicara mempertahankan kedaulatan negerinya, raja dan orang-orang besarnya, maka Inggeris pun berpegang kepada

konsep menundukkan Raja-raja dan orang-orang besar Melayu.

Setelah menganalisa dari segala jurusan dapat Inggeris melihat bahawa di zaman itu masyarakat orang-orang Melayu adalah berpuak-puak kepada orang-orang besar. Orang-orang besar berkuasa penuh ke atas sekalian pengikut-pengikutnya. Rakyat biasa pula taat setia kepada puak masing-masing, dan apabila dikerah untuk berperang atau pembinaan negeri, menurut saja dengan tidak ada perhitungan atau soal jawab. Di sinilah letaknya kekuatan Raja-raja dan orang-orang besar ketika itu. Apabila Raja dapat ditundukkan maka orang-orang besar menurut saja dan rakyat jelata mudah dibelenggu, dan negeri-negeri senang ditakluk.

Berpegang kepada konsep inilah, pihak berkuasa Inggeris dari Negeri-negeri Selat berusaha mengembangkan penjajahannya di seluruh Negeri-Negeri Melayu. Hanyaknya di manakah hendak dimulakan penaklukan ke atas Negeri-Negeri Melayu, masih belum dapat ditentukan. Kesempatan berbuat demikian belum terbuka lagi.

Dari tahun 1851 sehingga tahun 1866 Negeri-negeri Selat terutama sekali Singapura, dan Pulau Pinang makin bertambah maju. Perdagangan bertambah berlipat kali ganda. Saudagar-saudagar Inggeris serta suku sakat mereka dari pegawai-pegawai kerajaan Negeri-negeri Selat, dan saudagar-saudagar China berulang-ulang kali mendesak pejabat tanah-tanah jajahan di London supaya Kerajaan Inggeris campurtangan secara langsung untuk "mententeramkan" keadaan dalam Negeri-Negeri Melayu supaya perdagangan bertambah maju.

Saudagar-saudagar Negeri-negeri Selat yang memperdagangkan bahan-bahan mentah dari Negeri-negeri Melayu, terutama sekali bijih timah, berasa gelisah kerana tidak mendapat keuntungan yang banyak kerana mereka terpaksa membayar cukai lebih dulu kepada Raja-raja atau orang-orang besar Melayu yang menguasai kuala-kuala Sungai atau tempat-tempat yang penting bagi lalu-lintas kapal-kapal dagangan.

Sehingga tahun 1851 Negeri-negeri Selat ditadbirkan oleh Gabenor dan kerajaan Bengal, di India. Dalam tahun itu juga kekuasaan pindah kepada Gabenor — Jeneral India. Satu perubahan besar telah berlaku dalam tahun 1858. Syarikat East India Company dibubarkan, pegawai-pegawaiannya berpecah mencari untung nasib sendiri dengan mendirikan Syarikat-syarikat perniagaan, dan Negeri-negeri Selat diserahkan kepada India Office — Pejabat India — yang pada hakikatnya menggantikan British East India Company.

Pada tahun 1867, Negeri-negeri Selat diserahkan pula kepada pejabat tanah-tanah jajahan di London, dan ketiga-tiga buah negeri itu secara rasmi menjadi tanah-tanah jajahan Inggeris.

Pada tahun 1869, terusan Suez telah selamat dibuka untuk lalu-lintas kapal-kapal. Perjalanan kapal dari barat ke dunia sebelah timur telah dapat dipendekkan sehingga kira-kira 4,000 batu. Kapal-kapal berjentera yang telah menggantikan kapal-kapal layar mula mengangkut barang-barang dagangan lain dari penumpang-penumpang. Keadaan di pelabuhan Singapura mula berubah; dulu penuh dengan kapal-kapal layar, sekarang menjadi tumpuan

kapal-kapal berjentera yang belayar masuk melalui Pulau Pinang dan selat Melaka. Pendeka kata dalam masa yang singkat saja, Singapura menjadi sebuah bandar yang sibuk; perdagangan bertambah banyak dan maju, limbungan-limbungan kapal dibina, gudang-gudang didirikan, dan kapal-kapal besar semakin banyak berlabuh. Dan Selat Melaka bertambah penting dari segi perdagangan dan ketenteraan. Perhubungan antara Barat dan Timur telah dicepatkan. Dua tahun saja selepas terusan Suez dibuka, maka maklumat-maklumat dengan mudah dapat diutus melalui kawat dari Timur ke Barat.

Keadaan ini telah menjadikan kuasa-kuasa barat berlumba-lumba meluaskan pengaruh dan kekuasaan masing-masing di dunia sebelah timur ini. Belanda menyerang Acheh untuk menjajah seluruh kepulauan Melayu; Perancis sibuk di Siam, Burma dan Indo-China (Sekarang Vietnam, Laos, Republik Khmer). Dan kerajaan Inggeris mula memberi perhatian yang berat untuk membelenggu seluruh Negeri-negeri Melayu.

Dalam masa kuasa-kuasa barat sedang giat bertindak menjajah negeri-negeri Asia di timur jauh, Negeri-negeri Melayu adalah merdeka dan berdaulat. Raja-Raja mentadbirkan negeri mengikut adat istiadat di negeri masing-masing; perdagangan dan pemungutan cukai dilakukan mengikut kebiasaan atau peraturan yang sesuai di zaman itu. Rebutan pengaruh atau kuasa berlaku antara satu golongan dengan golongan yang lain seperti yang pernah terjadi di negeri-negeri barat sendiri. Rebutan kuasa tersebut telah menelurkan perang saudara yang memberi kesempatan kepada Inggeris campurtangan untuk me-

laksanakan konsepnya iaitu menundukkan Raja-raja Melayu sebagai gelombang permulaan menjajah Malaya.

### Sultan Ali Menghindarkan Penjajahan

Sultan Ali dalam masa hayatnya telah berusaha sedaya upayanya menghindarkan penjajahan Inggeris yang telah bertapak kuat di Negeri-negeri Selat. Baginda telah berjaya mengecewakan satu tipu helah Inggeris hendak menguasai negerinya.

Inggeris menggunakan kesempatan dari perkembangan di antara orang-orang China yang berlaku di Larut dalam tahun 1862 untuk melaksanakan konsep penjajahannya. Usaha pertama Inggeris itu telah dikecewakan kerana kebijaksanaan Sultan Ali.

Larut, sebuah kawasan bijih yang kaya raya pada suatu masa ialah tanah paya. Penduduk-penduduk Larut masa itu tidak begitu ramai. Seorang Melayu bernama Chek Long Jaafar telah kahwin dengan anak gadis Panglima Bukit Gantang, dan bermastautin di satu tempat di Larut, sekarang Taiping, sebagai orang besar jajahan yang tidak berpengaruh. Tidak berapa lama setelah Chek Long Jaafar tiba di Larut melombong bijih yang kaya raya telah dijumpai, dan usaha-usaha melombong bijih dimulakan.

Chek Long Jaafar telah menggalakkan orang-orang China dari Pulau Pinang membuka lombong. Pada tahun 1850 beliau telah dianugerahkan oleh Sultan Ali kuasa memungut segala hasil mahsul di Larut. Apabila Chek Long meninggal dunia dalam tahun 1856, anak lelakinya, Chek Ngah Ibrahim telah dianugerahkan oleh Sultan Ali kuasa mentadbirkan kawasan itu. Orang-orang China semakin ramai

membanjiri Larut, dan tidak berapa lama kemudian Chek Ngah Ibrahim menjadi orang besar yang paling kaya sekali di negeri Perak.

Orang-orang China yang membuka lombong atau bekerja dengan taukeh-taukeh China di Larut membawa bersama-sama mereka kongsi gelap masing-masing. Kongsi-kongsi gelap itu bertentangan antara satu dengan yang lain. Kumpulan-kumpulan sulit itu menentukan puak orang-orang China. Dua buah kongsi gelap yang terbesar sekali ialah "Ghee Hin" yang disokong oleh orang-orang China puak Canton, dan "Hai San" didukung oleh puak Hakka. Kedua-dua kongsi gelap itu apabila masuk ke Larut telah membuka lombong masing-masing, tetapi satu perang kongsi gelap yang hebat sekali telah meletus dalam tahun 1862. Perang itu berpunca dari berebut-rebutkan tanah lombong. Perkelahian dahsyat di antara orang-orang China itu telah menyebabkan beratus-ratus orang mati dibunuh. Akhirnya kongsi gelap "Ghee Hin" telah diusir oleh kumpulan "Hai San" dari kawasan perlombongannya di Kamunting.

Pemimpin-pemimpin kongsi gelap "Ghee Hin" setelah menyelamatkan diri, dari Larut telah merayu minta pertolongan dari kerajaan Negeri-negeri Selat. Dengan menggunakan alasan bahawa kebanyakan ahli-ahli "Ghee Hin" terdiri dari warganegara British (British Subject) telah terbunuh, menderita kerugian, dan harta benda mereka iaitu lombong-lombong bijih binasa, maka gabenor Negeri-negeri Selat, Gavenagh telah mengepung seluruh pantai Larut dengan kapal-kapal perang. Dalam kapal-kapal perang itu siap sedia tentera-tentera Inggeris, dan tentera-tentera upahan yang terdiri dari orang-orang Sikh dan Benggali.

Gabenor Gavenagh menuntut Sultan Ali supaya Ngah Ibrahim membayar ganti rugi walaupun beliau tidak ada sangkut paut dengan perkelahian orang-orang China yang bertentangan dalam kongsi gelap itu. Inggeris dari mula menyangka bahawa Ngah Ibrahim yang tidak berdosa itu tentulah akan menegakkan kebenarannya, dan enggan membayar ganti rugi. Sekiranya Ngah Ibrahim berdegil, maka Inggeris akan melaksanakan diplomasi kapalperang serentak dengan konsep penjajahan sekali.

Diplomasi kapalperang ialah dengan cara membedil Larut dari laut, dan selepas itu menguasai seluruh kawasan itu. Inggeris percaya bahawa diplomasi kapalperang itu seperti yang telah dilakukan ke atas lain-lain negeri Asia dengan jayanya, tentu akan menggerunkan Sultan Ali supaya menerima "perlindungan" Inggeris.

Tetapi diplomasi kapalperang dan konsep penjajahan yang hendak dimulakan pada tahun 1862 itu di Negeri Perak sebagai tapak permulaan menjajah seluruh Malaya telah gagal. Sultan Ali yang bijaksana itu telah menasihatkan Ngah Ibrahim supaya membayar ganti yang dituntut oleh Gabenor Gavenagh. Setelah Ngah Ibrahim menurut nasihat yang telah menyelamatkan Perak dari menjadi negeri jajahan, dan setelah armada perang Inggeris kembali semula ke Singapura, maka Sultan Ali telah menganugerahkan kepadanya darjah Orang Kaya Menteri yang berkuasa penuh di Larut.

### 3. PENJAJAHAN BERMULA DI PANGKOR

Melihat kecergasan Belanda meluaskan tanah-tanah jajahannya di kepulauan Melayu, dan Perancis di Siam, Burma dan Indo-China maka pejabat tanah-tanah jajahan British di London telah mengeluarkan direktive kepada gabenor Negeri-negeri Selat supaya melaksanakan dengan tegas konsep penjajahan Inggeris ke atas semua Negeri-Negeri Melayu. Konsep ini selain daripada hendak meluaskan tanah jajahan juga bertujuan menjaga kepentingan perdagangan Inggeris di Negeri-negeri Selat, dan London, dan menyekat hasil bumi Negeri-Negeri Melayu yang kaya raya dari terjatuh ke tangan kuasa-kuasa lain. Perdagangan Inggeris dengan Tanah Melayu sehingga tahun 1874 berharga kira-kira £ 12,000,000 pound setiap tahun.

Direktive itu disampaikan kepada Gabenor Baru Negeri-negeri Selat, Sir Andrew Clarke sebelum beliau meninggalkan Britain belayar ke Tanah Melayu. Sir Andrew Clarke tiba di Singapura dalam bulan November 1873.

Direktive itu bertarikh 20 September 1873 ditan- datangani oleh Lord Kimberley, setiausaha pejabat tanah-tanah jajahan British di London, berbunyi:

"Saya terpaksa meminta tuan supaya dengan bijaksana menentukan sendiri, seberapa yang boleh, keadaan yang sebenarnya berlaku dalam setiap Negeri-Negeri Melayu, dan tuan hendaklah memberi laporan kepada saya adakah pada fikiran tuan, apa-apa langkah yang boleh diambil untuk memulihkan ke-

amanan, dan keselamatan umum, dan untuk melindungi perdagangan. Saya berharap tuan akan menimbangkan adakah molek dilantik seorang Pegawai British untuk tinggal dalam salah satu Negeri-Negeri Melayu itu”.

Sebenarnya cita-cita mengembangkan kekuasaan atau pengaruh Inggeris ke atas negeri-negeri Melayu bukanlah satu ilham yang didapati oleh pejabat tanah-tanah jajahan Inggeris dengan tiba-tiba. Keinginan itu telah disuarakan, dan diidam-idamkan oleh pentadbir-pentadbir Inggeris dalam Negeri-negeri Selat yang di antaranya ialah Sir Harry Ord, dan Colonel Anson, Leftenan Gabenor Pulau Pinang.

Dalam tahun 1873 juga satu rombongan saudagar-saudagar China yang dipercayai mendapat galkan dari saudagar-saudagar Inggeris telah menemui Sir Harry Ord, dan meminta beliau supaya menyampaikan satu rayuan kepada Queen Victoria, meminta baginda supaya “Memulihkan keamanan dan ketenteraman umum” di Negeri-Negeri Melayu. Seperti yang telah diketahui, saudagar-saudagar di Negeri-negeri Selat berasa gelisah sejak beberapa lama kerana sukar membawa keluar dengan mudah bahan-bahan mentah dari Negeri-Negeri Melayu kecuali setelah membayar cukai kepada Raja, atau orang-orang besar Melayu yang menguasai sesebuah kawasan.

Apabila saja tiba di Singapura, Sir Andrew Clarke telah berunding dengan penasihat-penasihatnya. Keputusan telah diambil secara tegas iaitu memilih negeri Perak sebagai negeri yang pertama untuk melaksanakan konsep penjajahan Inggeris di Negeri-Negeri Melayu.

Perak telah dipilih sebagai matalamat pertama

kerana bumiannya kaya raya dengan hasil bijih timah. Lombong-lombong bijih di Perak ialah sumber ke-makmur dan kemewahan saudagar-saudagar asing yang berpusat di Pulau Pinang. Selain dari ini, perba-lahan sengit di antara orang-orang besar Perak me-negenai soal menentukan Sultan, dan persengketaan hebat di antara kongsi-kongsi gelap China yang ber-tentangan di Larut yang telah menjalar ke Pulau Pinang dalam tahun 1867 telah memberi kesempatan yang baik sekali kepada Inggeris bertindak campur-tangan secara langsung di Perak.

Permusuhan di antara kongsi-kongsi gelap China di Larut sejak tahun 1862 itu telah menjalar ke Pulau Pinang sehingga berlaku rusuhan besar di antara kedua-dua kumpulan itu pada tahun 1867. Dalam tahun 1872 kongsi gelap Ghee Hin yang telah lari pada tahun 1862 selepas perang kongsi gelap telah membawa masuk samseng-samseng yang berani mati ke Larut, dan berjaya mengusir kongsi gelap Hai San lalu menguasai semua sekali lombong-lombong di situ. Tidak berapa lama kemudian kongsi gelap Hai San melancarkan pula serang balas, dan berjaya menawan kembali semua kawasan di situ. Serang menyerang di antara kedua kongsi gelap di zaman itu nampaknya akan terus menerus berlaku.

Setelah mengkaji kesempatan yang terbuka dari dua keadaan yang berlaku dalam negeri Perak masa itu, maka Sir Andrew yang berpandu kepada direk-tive Lord Kimberley mengambil keputusan melancar-kan dengan segera gelombang kedua penjajahan Ing-geris.

Supaya pelaksanaan konsep itu tidak gagal se-peri yang berlaku di Larut dalam tahun 1862 maka

Sir Andrew telah menyusun dua garis besar yang menjamin kejayaan rancangannya. Pertama menda-maikan permusuhan di antara kongsi-kongsi gelap China yang sentiasa berbunuuh-bunuuhan di Larut. Kedua memujuk orang-orang besar Melayu perak supaya menghentikan persengketaan mereka, dan menghulurkan "jasa baiknya" untuk menentukan seorang Sultan yang berhak menduduki tahta kerajaan Perak.

Gabenor Sir Andrew Clarke kemudian memerintahkan Tuan Pickering, jurubahasa China di Singapura supaya berangkat ke Pulau Pinang dan ke Perak untuk menyelesaikan permusuhan kongsi gelap dengan menemui ketua-ketua kaum China. Kemudian Sir Andrew menemui tuan W.H. Read, seorang yang terkenal di Singapura dan rakan James Brooke, dan sahabat Sultan Abdullah. Tuan Reed telah menggunakan pengaruhnya sehingga Sultan Abdullah dapat dibawa ke Singapura kerana menemui Gabenor. Raja Abdullah telah dipujuk bahawa sekiranya dia bersetuju menerima seorang Penasihat British (British Resident) untuk mentadbirkan negeri Perak, maka dia akan diangkat menjadi Sultan Perak.

Selepas pertemuan dengan Raja Abdullah, Sir Andrew telah menerima sepucuk telegram Tuan Pickering yang menerangkan bahawa orang-orang China di Larut telah bersetuju tidak akan berkelahi dan meminta Gabenor menjadi orang tengah untuk menyelesaikan pertikaian mereka.

Sir Andrew kemudian mengambil keputusan pergi sendiri ke Perak. Dia menetapkan Pulau Pangkor sebagai tempat berunding dengan orang-orang besar Melayu Perak. Tarikh berunding telah ditetapkan pada 14 Januari 1874.

Seorang pegawai Inggeris Frank Swettenham telah diperintahkan menggunakan kapal perang H.M.S. Avon kerana "menjemput" Sultan Hilir Perak dan Sultan Ulu Perak serta orang-orang besar masing-masing.

### Sultan Abdullah diangkat menjadi raja

Pada 11 Januari Sir Andrew belayar dari Singapura dalam kapal "Pluto" diiringi oleh penasihat-penasihatnya. Pada 15 Januari Raja-raja dan orang-orang besar Perak tiba di Pulau Pangkor. Mereka yang tiba ialah Sultan Abdullah dan saudaranya Raja Idris, Datuk Menteri Larut, Datuk Bendahara, Datuk Temenggung dan Datuk Sagor serta sekalian orang-orang besar yang menyokong Sultan Abdullah. Raja Ismail Sultan Ulu Perak, dan semua orang-orang besarnya tidak mengindahkan "jemputan" Inggeris itu.

Perundingan dilangsungkan dalam kapal "Pluto", dan pada 16 Januari 1874 Perjanjian Pangkor telah dicipta dan ditandatangani. Pada hakikatnya perjanjian inilah yang telah memberikan hak kepada kerajaan Inggeris menaungi negeri Perak khususnya, dan seluruh Negeri-Negeri Melayu umumnya. Gelombang kedua konsep penjajahan Inggeris telah dilaksanakan dengan jayanya. Inggeris telah berjaya bertapak bagi pertama kali ke atas negeri Melayu di Perak, dan kuasanya menjangkit dengan cepat ke atas lain-lain Negeri Melayu. Kebanggaan Raja-raja Melayu, orang-orang besarnya dan sekalian rakyat jelata Melayu sebagai bangsa yang merdeka dan berdaulat telah luput berpuluhan-puluhan tahun lamanya sehingga 31 Ogos 1957.

**Perjanjian Pangkor**, fasal satu menyatakan bahwa Raja Abdullah diangkat menjadi Sultan ke atas seluruh negeri Perak, dan hendaklah menerima seorang British Resident. Nasihat British resident mestilah dilaksanakan dan diminta dalam semua perkara kecuali yang mengenai adat istiadat orang-orang Melayu, dan agama Islam.

Serentak dengan masa Perjanjian Pangkor ditandatangani di atas kapal "Pluto", maka orang-orang China bersetuju pula menerima pegawai-pegawai Inggeris yang dilantik oleh Gabenor supaya menyelesaikan semua persengketaan di antara mereka. Sebulan kemudian Captain Dunlop, Frank Swettenham, dan W.A. Pickering — Orang tengah Gabenor — memberi laporan bahawa pembahagian tanah-tanah lombong bijih di Larut telah sempurna dijalankan dengan memuaskan hati kedua-dua kongsi gelap yang bertentangan. Semua kubu-kubu di lombong-lombong bijih telah dibinasakan, dan orang-orang tawanan dikembalikan kepada keluarga masing-masing. Supaya orang-orang China tidak bergaduh lagi, maka Inggeris telah melantik Captain Speedy menjadi penolong Resident di Larut, dan membawa askar-askar, dan mata-mata Sikh dari Pulau Pinang.

Tuan J.W.W. Birch, kolonial secretary Negeri-negeri Selat telah dipilih menjadi British Resident yang pertama di Perak. Dia mempunyai pengalaman yang lama di Ceylon, tetapi tidak tahu berbahasa Melayu, dia mencemuh-cemuhkan adat istiadat orang-orang Melayu. Birch apabila saja menjelak bumi Perak bercadang hendak mengubah adat istiadat orang-orang Melayu, dan menjadikan dengan serta merta negeri Perak seperti tanah-tanah jajahan

Inggeris di Negeri-negeri selat. Pembunuhan Birch di Pasir Salak pada 2 November 1875 memberi kesempatan lagi kepada Inggeris menggunakan kekuatan tentera untuk menundukkan orang Melayu di seluruh negeri Perak. Raja-raja, orang-orang negeri, pahlawan-pahlawan dan rakyat biasa Melayu Perak telah membenamkan persengketaan mereka dan bersatu kembali sebagai satu bangsa kerana menentang pecerobohan Inggeris.

#### 4. SESUDAH PERJANJIAN PANGKOR

Keadaan dalam negeri Perak selepas Perjanjian Pangkor ditandatangani pada 16 Januari 1874 adalah merupakan sebuah negeri yang berajakan dua orang Sultan. Tegasnya Raja Abdullah yang diiktiraf oleh Inggeris bersemayam di Batak Rabit — sekarang sebuah kampung, — dan kawasan yang dikuasai olehnya ialah seluruh daerah Hilir Perak. Satu bahagian lagi di Ulu Perak dikuasai oleh Sultan Ismail yang bersemayam di Kuala Kangsar.

Perang dingin di Perak itu telah dapat dihindarkan daripada mencetuskan perang saudara yang hebat sekali. Diplomasi Inggeris yang licin, demi kepentingan meluaskan tanah jajahan sedikit sebanyak telah memadamkan bunga perang saudara itu.

Sementara mengakui kedaulatan Sultan Abdullah ke atas Seluruh negeri Perak mengikut Perjanjian Pangkor, Inggeris memberi pengakuan de-facto kepada kedaulatan Raja Ismail di Ulu Perak. Inggeris mengadakan hubungan perdagangan dengan kerajaan Sultan Ismail melalui Datuk Menteri Larut. Diplomasi yang cendekel ini pada hakikatnya ialah candu yang telah menidurkan orang-orang besar Melayu sama ada di Hilir mahupun di Ulu Perak.

Di Hilir Perak, Raja Abdullah bersama-sama dengan orang-orang besarnya yang terkenal dan berpengaruh, Datuk Laksamana, Datuk Maharaja Lela, dan Datuk Sagor telah diberi pencegah politik. Kehormatan yang diberi oleh Inggeris telah menjadikan

Raja Hilir Perak dan menteri-menterinya leka seketi-ka dengan kebesaran gelaran masing-masing.

Segala gerak geri, dan budi bicara Inggeris yang ditonjolkan oleh British Resident pada mulanya tidak diketahui oleh Sultan Abdullah atau orang-orang Melayu di zaman itu. Baginda percaya kalau sudah bernaung dan bersahabat jadilah sebagaimana kata pepatah, kalau bersahabat bersama habis, susah sama ditanggung, senang sama dirasa. Tetapi sahabat dalam politik, tidak ada dalam adat istiadat Melayu. Akibatnya, kawan makan kawan.

Sementara Raja Abdullah dan menteri-menteri-nya lena di bawah naungan bendera Union Jack, Inggeris melalui pemerintahnya, British Resident Birch telah melakukan perubahan-perubahan dan pembaruan-pembaruan yang pesat di segi pertadbiran dan kemasyarakatan di Hilir Perak. Rakyat jelata banyak yang telah dibebaskan dari perhambaan kaum bangsawan. Cukai-cukai dari hasil mahsul negeri mula mengalir ke dalam perpendaharaan kerajaan tidak lagi ke dalam kantung orang-orang besar. Hasilnya digunakan membuat jalan-jalanraya dan membuka negeri. Tanah diberi kepada hamba-hamba yang dibebaskan untuk berkampung dan bercucuk tanam.

#### **Sultan Ismail diberi Pengakuan de-facto**

Keadaan di Ulu Perak yang dikuasai oleh Sultan Ismail dan menteri-menterinya tetap mengikut corak pemerintah zaman fuadalis Melayu lama yang beradatkan temenggung. Pengakuan de-facto yang diberi oleh Inggeris kepada Raja Ismail telah mengekalikan kemewahan hidup, dan kedaulatan Raja serta orang-orang besarnya di kawasan masing-masing.

Kerajaan Sultan Ismail tidak menyedari bahawa pengakuan de-facto, dan hubungan perdagangan yang dihulurkan kepadanya datang dari satu punca — kerajaan Inggeris — yang terang-terangan membantu pertadbiran kerajaan Hilir Perak.

Perhubungan perdagangan antara kerajaan Ulu Perak tetap mengikut perjanjian yang dimeterikan antara Al Marhum Sultan Ali dengan Sir Harry Ord, Gabenor Negeri-negeri Selat ketika itu. Perjanjian itu juga mengiktiraf kedudukan Datuk Menteri Larut. Sebagai Raja yang berkuasa penuh dalam kawasannya.

Mengikut perjanjian itu, pihak Inggeris diberi monopoli membeli bijih yang dikeluarkan dari bumi Perak, baik hasil dari usaha kerajaan Melayu Perak, mahupun dari usaha kongsi-kongsi menyimpan bijih yang akan dibawa keluar negeri.

Kawasan gudang tersebut makin lama makin luas kerana bijih semakin bertimbun-timbun disimpan daripada yang boleh dibawa oleh kapal-kapal ke Pulau Pinang. Inggeris juga mendapat kebenaran menempatkan askar-askar atau mata-mata Sikh yang dikenal oleh orang-orang Perak masa itu sebagai supai untuk mengawal gudang-gudang bijih, dan lombong-lombong perusahaan bijih kepunyaan Syarikat Inggeris.

Inggeris menghormati segala syarat-syarat perjanjian perdagangan itu, dan kedua-dua pihak saling hormat menghormati. Dalam masa keadaan yang aman ini, Inggeris secara diam-diam telah mengadakan alat-alat moden dalam perusahaan-perusahaan bijihnya baik di Larut mahupun di Kinta.

Orang-orang besar kerajaan Sultan Ismail, seperti Datuk Menteri Wan Ibrahim, dan Datuk Panglima Kinta tidak menghiraukan ataupun mahu memikirkan tentang adanya tujuan-tujuan tertentu di sebalik langkah Inggeris itu. Supai-supai Inggeris semakin banyak dibawa masuk ke dalam kawasan Ulu Perak terutama di kawasan-kawasan perlombongan dengan alasan mengawal perusahaan-perusahaan.

Seperti biasa, Sultan Ismail dan orang-orang besarnya terus mengutip cukai daripada syarikat-syarikat lombong. Inggeris sedikitpun tidak mengganggu urusan di situ kerana tipu muslihat yang sedemikian rupa adalah menguntungkan konsepnya. Kerajaan Sultan Ismail telah dapat dilenakan dengan mudah, dan Inggeris tidak perlu bersusah payah mencari kesempatan atau menimbulkan keadaan untuk mencipta satu lagi Perjanjian Pangkor bagi menakluk seluruh kawasan Ulu Perak.

## 5. KISAH MAT SAMAN

British Resident Birch apabila saja tiba di Perak telah berusaha mempelajari adat istiadat orang-orang Melayu. Usahanya pincang kerana tidak tahu berbahasa Melayu. Dia mengetahui sedikit-sedikit budi pekerti orang-orang Melayu dari sahabat-sahabatnya pegawai-pegawai kerajaan Negeri-negeri Selat.

Birch mempelajari sendiri hal ehwal orang-orang Melayu dengan berbuat baik dan beramah tamah dengan semua golongan orang-orang Melayu di Hilir Perak. Dalam menjalankan tugasnya dia selalu mela-wat ke kampung-kampung dan bertanya hal keadaan mereka supaya terpikat dengan pengaruh Inggeris.

Di samping menjalankan diplomasinya, Birch membawa masuk semakin banyak supai-supai (mata-mata) Sikh dari Pulau Pinang, dan meminta jasa baik Kerajaan Negeri Selat Pulau Pinang supaya mengambil anak-anak Melayu supaya bekerja sebagai supai-supai di negeri Perak.

Di antara supai-supai yang datang dari Pulau Pinang ke Hilir Perak terdapat seorang Melayu yang tegap bernama Mat Saman. Kecergasan pemuda ini, dan kebolehannya menjadi jurubahasa untuk mendapatkan maklumat-maklumat mengenai adat resam orang-orang Melayu telah menyebabkan dia berdam-pingan rapat dengan Birch.

Sebenarnya Mat Saman ialah anak Megat Bada — seorang perwira Melayu Perak di zaman silam yang telah bermastautin di Pulau Pinang untuk men-

cari kehidupan baru, dan tidak bercita-cita untuk menjadi supai. Dia terpaksa menjadi supai kerana tekanan perasaan malu untuk pulang ke kampung setelah kalah judi di Tanjong (Bandar Pulau Pinang).

Mat Saman mengalami kekalahan yang banyak di meja judi ketika sedang berbulan madu di bandar tersebut. Sambil berbulan madu, Mat Saman membawa banyak wang yang diamanahkan oleh rakan-rakannya yang sejiran, dan keluarganya di Balek Pulau.

Setelah kalah judi, termasuk wang pesanan rakan-rakannya ditelan oleh meja judi, Mat Saman telah menyuruh isterinya balik ke Balek Pulau lebih dulu.

Sedang Mat Saman mundar mandir mencari pekerjaan, dia mendapat khabar bahawa J.W.W. Birch sedang mencari orang-orang yang ingin menjadi supai. Mat Saman mengambil peluang itu.

J.W.W. Birch mendapati Mat Saman mempunyai bakat untuk mempengaruhi orang. Bakat itu telah menyebabkan Mat Saman dipilih untuk menjadi pengawal, dan pembantu Birch dalam tugasnya mempengaruhi orang-orang Perak.

J.W.W. Birch telah membawa Mat Saman ke Perak untuk bertugas di sana.

Melalui Mat Saman, Birch telah menerima maklumat tentang cara hidup berkasta yang berlaku di negeri Perak.

Dari Mat Saman juga Birch mengetahui golongan-golongan diwek tidak dapat melepaskan diri mereka daripada menjadi hamba abdi. Mereka terikat kerana terhutang dengan bapak-bapak badau yang dihormati oleh mereka.

Dalam menjalankan tugasnya, Mat Saman telah dibenarkan oleh Birch berpakaian biasa saja — tidak beruniform.

Birch mengambil keputusan itu ialah kerana di-dapatinya orang-orang Perak tidak gemar bergaul dengan orang-orang yang beruniform, terutama sekali supai-supai.

Sesampainya di Perak, Mat Saman telah mengikut Birch melawat, dan menyiasat kedudukan dan cara hidup orang-orang Perak di Batak Rabit (tempat persemayaman Sultan), dan di Telok Mat Intan (sekarang Telok Anson).

Mat Saman telah bergaul bebas dengan rakyat Melayu Perak, dan telah melawat kawasan-kawasan ulu seperti Bandar Baru, Bandar Tua, Pasir Panjang, Kuala Parit, Pasir Salak, Selat Pulau dan Pulau Tiga.

Dalam lawatannya itu, Mat Saman telah tertarik hati dengan seorang gadis di Kuala Parit. Gadis itu bernama Long Fatimah.

Oleh kerana gadis itu masih di bawah umur lagi, maka Mat Saman hanya dapat mengikat tali pertunungan saja.

Bagaimanapun Mat Saman terus juga menjalankan tugasnya untuk mencari maklumat yang diperlukan oleh Birch yang dikatakan perlu untuk membantu rakyat Perak hidup dalam zaman tamadun.

### **Perhambaan dihapuskan**

Dari maklumat yang diberi oleh Mat Saman, Birch telah berunding dengan Sultan. Dalam perundingan itu, Sultan telah bersetuju supaya rakyat jelata di Hilir Perak dibebaskan daripada menjadi hamba abdi, asal saja kedudukan golongan bangsawan tidak tersinggung.

Birch telah memberi jaminan untuk membantu Sultan dalam usaha tersebut. Sultan Abdullah ber-gembira apabila mengetahui rakyat memuji-muji baginda kerana mereka telah bebas dari perhambaan. Birch menjalankan usaha tersebut dengan bantuan Colonel Anson.

Kerana mengenangkan jasa Colonel Anson yang menyebabkan golongan diwek bebas dari perhambaan, dan memuji-muji Sultan, maka Pembesar-pembesar Negeri dan Sultan telah bersetuju menukar nama Telok Mat Intan kepada nama Telok Anson.

Birch kemudian kerap kali berunding dengan Sultan. Dan akhirnya baginda bersetuju supaya undang-undang negeri Perak diubah mengikut zaman tamadun. Orang diwek tidak harus menjadi hamba, dan semua golongan membayar cukai — baik secara langsung mahupun tidak langsung — dalam lapangan perusahaan dan urusan negara.

Segala urusan itu dianggap oleh Sultan Abdullah lebih menyenangkan pembesar-pembesar negeri untuk menjalankan tadbir.

### **Kuasa Politik Sultan lumpuh**

Birch terus menjalankan diplomasinya hingga berjaya melumpuhkan semua kuasa politik Sultan, dan orang-orang besar negeri dengan memberi mereka bayaran political pension.

Sultan Abdullah dan orang-orang besarnya tidak tahu apa maksud political pension, kecuali menerima wang Kerajaan yang tetap pada tiap-tiap bulan.

Dengan tidak disedari oleh sultan, orang-orang besar Kerajaan Sultan Abdullah atau oleh kerajaan Hilir Perak maka segala urusan pertadbiran negeri diselenggarakan oleh Inggeris.

Sultan dan orang-orang besar negeri yang telah hidup lumayan, tidak mentadbirkan sendiri urusan urusan negeri kecuali dengan bantuan Inggeris. Dan mereka tidak menyedari bahwa kuasa yang ada pada Sultan dan orang-orang besar negeri hanyalah untuk mentadbirkan negeri mengenai adat istiadat Melayu, dan urusan agama Islam saja.

Sultan dan rakyat jelata tidak menyedari sebab musabab mata-mata dari orang-orang Bengali Sikh makin bertambah banyak jumlahnya di Hilir Perak. Apa yang mereka tahu ialah kedatangan mereka ialah untuk membantu negeri supaya sentiasa dalam keadaan aman, dan bebas daripada kejadian jenayah.

Sultan dan orang-orang besar negeri pula merasa beruntung melihat askar dan mata-mata Bengali sikh yang makin banyak jumlahnya datang dari Pulau Pinang telah ditugaskan untuk mengawal kawasan-kawasan rumah mereka, supaya orang-orang jahat tidak masuk menceroboh atau mencuri.

## **6. DARAH MENGALIR DI PASIR SALAK**

Pasir Salak, suatu kawasan dalam bahagian Hilir Perak yang bersultankan Sultan Abdullah. Ketuanya ialah Datuk Maharaja Lela.

Datuk Maharaja Lela ialah antara orang-orang besar negeri yang berkeras supaya Sultan Abdullah ditabalkan menjadi Sultan Perak menggantikan Sultan Ali yang mangkat dalam tahun 1871.

Walaupun pihak-pihak yang pro-Datuk Maharaja Lela kekal bermastautin dalam negeri yang bersultankan Sultan Abdullah, tetapi tidak bermakna mereka bersetuju penuh atau pro kepada Sultan Abdullah.

Di antara orang-orang yang tidak sependapat dengan Datuk Maharaja Lela dalam pertabalan Sultan Abdullah, hingga menyebabkan negeri Perak mempunyai dua Sultan, dan dua Kerajaan, ialah seorang bapa saudara Datuk Maharaja Lela sendiri.

Bapa saudara Datuk Maharaja Lela dengan tidak disedari telah menjadi alat Kerajaan Inggeris yang diwakili oleh J.W.W. Birch, di Hilir Perak.

Mungkin kerana bencinya kepada Sultan Abdullah, dan mungkin oleh suruhan Inggeris, pada suatu hari beliau telah bertemu dengan Datuk Maharaja Lela menegur sikap Datuk itu yang terlalu mesra dengan J.W.W. Birch.

Sambil menegur pergaulannya dengan Birch, Datuk Maharaja Lela juga telah diberitahu oleh bapa saudaranya tentang khabar-khabar angin yang me-

ngatakan Birch telah bercumbuan kasih dengan keluarganya.

Datuk Maharaja Lela disyorkan oleh bapa saudaranya supaya membunuh Birch kerana perbuatan curang yang dikatakan itu.

Perbualan antara Datuk Maharaja Lela dan bapa saudaranya, didengar oleh seorang Batak, orang kuat Datuk Maharaja Lela.

Si Bunga, orang Batak tersebut, telah mempercayai benar segala apa yang dikatakan oleh bapa saudara Datuk Maharaja Lela.

Si Bunga berpendapat, sebagaimana sikap orang-orang kuat atau juak orang-orang besar yang lain, kalau perkara bunuh membunuh hendak dilakukan, maka dialah yang harus melaksanakannya.

Dari perbualan antara Datuk Maharaja Lela dan bapa saudaranya itu, Si Bunga telah mengambil keputusan untuk membunuh Birch yang dikatakan telah melanggar adat sopan orang-orang Melayu — dengan mengikat tali asmara dengan keluarga Datuk Maharaja Lela.

Si Bunga berpendapat bahwa dia akan memberi bakti yang besar kepada Datuk Maharaja Lela, dan keluarga Datuk itu, sekiranya dia dapat membunuh Birch.

### Lawatan Birch

Selang tidak berapa lama daripada si Bunga mendengar khabar Birch mempunyai perhubungan asmara dengan keluarga Datuk Maharaja Lela, orang-orang Pasir Salak telah heboh mengisahkan akan tibanya Birch untuk melawat kawasan itu dalam bulan November 1875.

Birch hendak melawat kawasan Pasir Salak ialah untuk menemui Datuk Maharaja Lela mengenai urusan kerajaan kononnya untuk memimpin penduduk-penduduk di situ mendapat ilmu hidup secara bertamadun.

Pada saat dan ketika yang dijangka, Birch telah tiba dengan dikawal oleh askar-askar dan mata-mata termasuk Mat Saman, dan empat orang juak Sultan Abdullah.

Empat orang juak Sultan Abdullah, yang mengiring Birch, dikatakan telulu handal dan kebal — mata mereka tidak jejas dipahat.

Dari Batak Rabit, Birch dan rombongan telah mudik ke Ulu Hilir Perak, dan singgah di beberapa pekan dan kampung kerana menyiasat, dan menanyakan keadaan penduduk-penduduk di situ.

### **Surat Palsu**

Sementara Birch dan rombongannya masih dalam pelayaran, Datuk Maharaja Lela telah terkejut apabila datang sepucuk surat yang dipercayai diutus oleh Sultan Abdullah, dan mempunyai tanda mohor baginda. Isi surat yang memeranjatkan Datuk Maharaja Lela, ialah perintah Sultan supaya beliau membunuh Birch, dan semua anggota rombongannya.

Datuk Maharaja Lela tidak mahu percaya surat itu datang dari Sultan, walaupun ianya mempunyai cap mohor raja. Tetapi Si Bunga, orang Batak juak beliau, yakin benar surat itu diutus oleh Sultan Abdullah.

Sementara Datuk Maharaja Lela belum pasti surat itu benar atau tidak diutus oleh Sultan, si Bunga telah mengambil keputusan sendiri. Dia men-

cari waktu yang baik untuk membunuh Birch dan rombongannya.

### Rombongan tiba

Rombongan yang ditunggu-tunggu oleh Datuk Maharaja Lela telah tiba. Ketibaan Birch dan rombongannya telah disambut dengan baik. Dan sehari suntuk, Birch dan pegawai-pegawaiannya telah berunding dengan Datuk Maharaja Lela, dan orang-orang besar daerah Pasir Salak.

Oleh kepenatan belayar dan menjalankan urusan kerajaan dengan Datuk Maharaja Lela agaknya, malam itu seisi kapal rombongan Birch telah tidur dengan lenyak.

Tiba-tiba waktu hari masih subuh, kira-kira puluh lima pagi, 2 November 1875 Mat Saman telah terlihat suatu tubuh manusia berselubung, dan berjalan menuju ke arah kapal tersebut.

Mat Saman melihat manusia yang berselubung itu ialah sewaktu dia keluar dari bilik air, selepas mengambil air sembahyang untuk menunaikan fardhu subuh.

Serentak itu pula Mat Saman mendapati Birch telah bangun dan terus masuk ke dalam bilik air.

Setelah Mat Saman selesai sembahyang subuh, tiba-tiba terdengar olehnya suara orang menjerit dari arah bilik air.

Jeritan itu telah menyebabkan Mat Saman bangun, dan langsung menghalakan pandangan ke arah bilik air tersebut.

Mat Saman telah terperanjat besar apabila dilihatnya Birch telah telentang berlumuran darah. Di sampingnya tercegat Si Bunga dengan sebilah keris.

Mat Saman terus terjun ke arah buritan kapal, apabila didapatinya Si Bunga meluru ke arahnya.

Suasana dalam kapal itu telah bertukar dari sunyi sepi menjadi kelam-kabut.

Si Bunga, yang sudah mabuk darah itu telah mengamuk dengan sekehendak hatinya di atas kapal tersebut. Dia menikam setiap orang yang ada dalam kapal tersebut. Tidak ada seorang supai dan juak Sultan Abdullah yang terselamat oleh tikaman Si Bunga, kecuali Mat Saman.

Mat Saman terselamat daripada serangan atau amukan Si Bunga ialah kerana dia telah bersembunyi di dalam air Sungai Perak, di bawah kemudi kapal tersebut.

Si Bunga tidak hanya mengamuk setakat menikam manusia di dalam kapal itu, malah dia terus memotong tali kapal tersebut dari ikatannya di tebing Sungai Pasir Salak.

Mat Saman tidak berani bergerak daripada memegang kemudi kapal itu, dan hanyut mengikut kapal tersebut yang dibawa oleh arus sungai menuju ke Kuala Perak.

Apabila kapal tersebut sampai di Telok Anson, pihak Inggeris telah cemas, memerhatikan mayat-mayat bergelimpangan, Mat Saman menjerit-jerit dengan menggeletar ketakutan, dan kesejukan meminta tolong.

## **7. LAPORAN MAT SAMAN DIPUTAR-BELITKAN**

Mat Saman, setelah dinaikkan ke darat, langsung dibawa menemui pegawai-pegawai Inggeris di Telok Anson. Mat Saman kemudian memberi laporan sepenuhnya mengenai kejadian yang berlaku di Pasir Salak itu, dengan tidak ada tokok tambah.

Pegawai-pegawai Inggeris di Telok Anson setelah berhubung dengan pihak berkuasa kerajaan Negeri-negeri Selat di Singapura telah mengadakan persiapan-persiapan ketenteraan. Mat Saman dikerah supaya memakai uniform lengkap sebagai mata-mata, dan diperintahkan supaya jangan membuka rahsia bahwa Birch telah mati dibunuh oleh si Bunga. Mat Saman, sebagai seorang kakitangan kerajaan telah mentaati perintah itu dengan tidak banyak bicara.

Setelah lengkap segala persiapan askar-askar dan mata-mata Bengali Sikh termasuk beberapa orang Melayu, maka Inggeris bergerak menyerang istana Sultan Abdullah, dan rumah orang-orang besar negeri, serta semua kampung-kampung Melayu di Hilir Perak.

Sewaktu memberi perintah itu, Inggeris mene-gaskan bahwa langkah itu diambil kerana British Resident Birch telah mati dibunuh kerana Sultan Abdullah telah memungkiri kandungan perjanjian Pulau Pangkor, dan mengatakan Birch telah dibunuh oleh Datuk Maharaja Lela dengan perintah Sultan Abdullah.

Sementara pasukan Inggeris menggempur kubu Sultan Abdullah dan orang-orang besarnya, kerajaan Negeri-negeri Selat di Singapura mengumpulkan kapal perang-kapal perang dan askar-askar untuk dihantar ke Perak.

Mat Saman hairan mengapa laporannya telah diputus-balik oleh Inggeris yang terus menerus menghantar pegawai-pegawaiannya dari Telok Anson ke Larut kerana memimpin askar-askar dan mata-mata Sikh yang telah sedia ada di situ untuk menggempur Datuk Menteri Larut serta orang-orang besarnya.

Dari perutusan-perutusan yang disampaikan oleh British Resident Birch kepada Gabenor, dan di antara kerajaan Negeri-negeri Selat dengan Pejabat Tanah-tanah Jajahan di London terdapat sebab-sebab kenapa Inggeris memutar-belitkan Laporan Mat Saman.

Sebenarnya hubungan di antara Birch dengan Sultan Abdullah dan orang-orang besar Hilir Perak pada lahirnya saja baik. Sejak pegawai Inggeris itu tiba, Sultan Abdullah dan orang-orang Hilir Perak mulai sedar bahwa Birchlah yang lebih berkuasa dari Sultan. Menurut saja "nasihat" pegawai Inggeris itu seakan-akan menjadikan orang asing itu sebagai raja. Walaupun begitu, kerana kekuatan senjata yang telah diperlihatkan oleh Inggeris mentelahan pula ada sepuak lagi di Ulu Perak yang mendakwa berdaulat atas seluruh negeri, maka Sultan dan orang-orang besar Hilir Perak membiarkan saja tipu helah Inggeris itu.

Kesedaran yang baru wujud itu telah membimbingkan Birch dan Kerajaan Negeri-negeri Selat. Nasihat-nasihatnya hanya diterima setelah berunding dan dibantah. Sehingga akhir tahun 1874, Birch men-

dapati Perjanjian Pangkor sebagai secarik kertas yang tidak berguna lagi.

Gabenor Negeri-negeri Selat yang baru, Sir William Jervois yang tiba di Singapura pada akhir bulan Mei 1875 mengambil perhatian yang besar sekali atas masalah Perak. Empat bulan kemudian, Sir William membawa satu angkatan menemui Sultan Abdullah di Pasir Panjang, beberapa batu saja dari Bandar Baru — pejabat British Resident Birch.

Pertemuan itu tidak mendatangkan apa-apa hasil. Pengikut-pengikut Raja Abdullah bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan sekiranya Gabenor Sir William bertindak menurunkan raja mereka. Sir William kemudian mencari jalan keluar yang bijak sekali. Dia mencadangkan perlantikan wakil baginda Queen Victoria menggantikan British Resident, dan menjalankan pertadbiran negeri atas nama Sultan. Gabenor Sir William kemudian balik ke Singapura. Frank Swettenham dan lain-lain pegawai-pegawai Inggeris ditinggalkan di Pasir Panjang untuk menyusun perjanjian baru, dan memujuk Sultan Abdullah supaya bersetuju menerima. Sekiranya dia engkar, maka perjanjian itu akan diikat dengan Raja Yusof anak saudaranya sendiri.

Setelah dua minggu berunding barulah Sultan Abdullah setuju kerana bimbangkan tahtanya jatuh ke tangan orang lain. Inggeris berazam berbuat demikian, dan telahpun membuat tawaran-tawaran kepada Raja Yusof, dan Raja Ismail, Sultan Ulu Perak.

Walaupun Sultan Abdullah telah bersetuju, Inggeris berasa tidak yakin perjanjian baru itu dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Masa itu juga askar-askar yang mengawal peribadi British Residen di Bandar Baru, dan mata-mata

yang mengawal lombong-lombong di Larut kerana bosan tidak mempunyai apa-apa pekerjaan dan berpendatan kecil telah mengamuk. Ramai di antaranya telah dikurung kerana tidak mempunyai tata tertib. Askar-askar dan mata-mata upahan Inggeris itu berada dalam keadaan memberontak. Keadaan di masa itu, sudah tidak dapat dikawal lagi.

Pelaksanaan Perjanjian Baru Pasir Panjang mengalami nasib Perjanjian Pangkor. Kematian Birch telah dijadikan oleh Inggeris sebagai alasan untuk mempersalahkan dan menyingkir Sultan Abdullah, Sultan Ismail dan sekelian orang-orang besar Melayu Perak yang tidak digemarinya. Dan askar-askar serta Mata-mata upahan yang hampir-hampir memberontak itu dapat ditenteramkan dengan melepaskan mereka menghentam orang-orang Melayu.

## **8. INGGERIS MENYERANG SELURUH PERAK**

Serangan yang dilakukan oleh Inggeris bersabit dengan pembunuhan Birch di Pasir Salak bukan se mata-mata satu tindakan pembalasan terhadap Sultan dan orang-orang besar negeri Perak, tetapi pada hakikatnya adalah merupakan mulanya perang penjajahan Inggeris yang akan menakluk seluruh Tanah Melayu.

Pembunuhan Birch telah menggemparkan pegawai-pegawai Inggeris di Perak. Askar-askar upahan serta mata-mata Benggali telah diperintahkan menyerang kampung-kampung Melayu serta membakar gobok-gobok padi serta ladang-ladang mereka.

Enam hari selepas Birch mati, iaitu pada 7 November 1875, pihak berkuasa Inggeris telah mengumpulkan satu angkatan tentera yang besar lalu menyerang Pasir Salak.

Angkatan Inggeris yang menggempur Pasir Salak pada 7 November itu dipimpin oleh Captain Innes dari pasukan R.E. terdiri dari enam puluh orang askar dari Regiment 1/10, dua puluh orang mata-mata dari Pulau Pinang, lima puluh orang mata-mata Benggali, dan berpuluhan orang lagi tentera-tentera upahan yang terdiri dari anak negeri.

Serangan pertama tentera-tentera Inggeris itu telah dihancurkan oleh hulubalang-hulubalang Melayu yang dipimpin oleh Datuk Maharaja Lela. Captain Innes sendiri telah mati dibunuh di medan pe-

rang. Sebilangan besar daripada tentera-tentera Inggeris itu telah terkorban.

Seminggu kemudian pihak berkuasa Inggeris di Negeri-negeri Selat telah melancarkan serangan kedua dengan membawa kapalperang-kapalperang serta askar-askar yang lengkap dengan senjata. Pertempuran-pertempuran sengit telah berlaku di beberapa buah kampung sehingga ke Pasir Salak.

Oleh kerana Inggeris mempunyai angkatan yang cukup terlatih untuk berperang, maka Pasir Salak telah jatuh lalu dibakar hangus oleh Inggeris. Penduduk-penduduk yang tidak sempat berundur telah dibunuh, dan ditawan.

Datuk Maharaja Lela serta pengikut-pengikutnya telah berundur ke Blanja lalu bersekutu dengan Raja Ulu Perak, Sultan Ismail. Dari sini, Datuk Maharaja Lela meneruskan perjuangannya sehingga dia serta pengikut-pengikutnya berundur hingga ke sempadan Kedah.

Demi kepentingan untuk menakluk lain-lain Negeri-Negeri Melayu, pembunuhan Birch memberi kesempatan yang besar kepada Inggeris untuk menindas dengan kekerasan senjata Raja-raja Melayu yang engkar atau cuba melawan pengaruh Inggeris.

Pihak berkuasa British telah meminta bantuan-bantuan tentera dari India dan Hongkong. Dan dalam masa beberapa minggu saja selepas Birch mati dibunuh, satu angkatan tentera Inggeris yang paling besar sekali telah berhimpun di negeri Perak. Tentera-tentera Inggeris itu dibantu oleh kapalperang-kapalperang.

Tentera-tentera yang didatangkan dari Hongkong diketuai oleh Major General Calborne telah ditempatkan di Bandar Bharu. Tentera-tentera dari

India yang diketuai oleh Brigadier General Ross, di-tempatkan di Kuala Kangsar.

Dalam peperangan itu, tempat yang merupakan medan perang ialah kawasan Janda Rata, di Telok Anson. Di Janda Rata dikatakan beratus-ratus supai-supai Inggeris telah terkorban oleh serangan keris dan tombak serta lembing perajurit-perajurit Melayu.

Dalam peperangan itu, di antara isteri-isteri orang-orang besar negeri turut mengambil bahagian berperang membantu suami mereka ialah Tok Puan Laksamana, isteri Datuk Laksamana.

Menurut ceritanya, Tok Puan Laksamana dengan berpakaian lelaki dan bersenjatakan sebilah pedang dan sebilah keris telah menentang supai-supai Inggeris. Tok Puan Laksamana dikatakan ialah wanita yang paling banyak sekali membunuh supai-supai Inggeris baik dari bangsa Benggali Sikh mahupun Melayu.

Dalam peperangan itu, Mat Saman dikatakan telah terlindung dari senjata musuh ialah kerana tuah sebilah keris pusaka yang diberikan kepadanya oleh Datuk Megat Bada, datuk beliau.

Peperangan berlangsung selama setahun. Dan pahlawah-pahlawan Melayu tidak mengira siang atau malam mempertahankan hak, dan menghalang kemaraan angkatan musuh.

Orang-orang yang terkemuka sekali bertindak menentang Inggeris di Pasir Salak ialah Datuk Maharaja Lela, dan Si Bunga, sementara di Pulau Tiga ialah Datuk Sagor.

Dalam daerah yang dikuasai oleh Sultan Ismail, kawasan-kawasan yang menjadi medan perang

tempat yang banyak sekali mayat mati bertindih ialah Matang, Krian, Larut, Bukit Gantang, Kuala Kangsar, Manong, Semad, Kinta, Ipoh, Batu Gajah, Tanjong Tualang dan Pangkalan.

Orang-orang besar yang berjuang dan namanya terkenal sebagai pejuang Melayu ialah Datuk Menteri Larut, Datuk Panglima Bukit Gantang, Datuk Radin, Datuk Temenggung, Datuk Panglima Kinta, dan Hamzah Kuat.

Di Kuala Kangsar banyak wanita-wanita Melayu dari kalangan rakyat jelata dan beberapa orang wanita-wanita golongan pertengahan juga turut berjuang dengan keris terhunus.

## **9. PERDAMAIAAN: RAJA-RAJA DAN ORANG-ORANG BESAR YANG TIDAK DIINGINI DISINGKIRKAN**

Setelah setahun berperang, dan setelah beribu-ribu jiwa terkorban, maka Sultan Abdullah telah mengaku sanggup membaharui Perjanjian Pangkor yang meletakkan seluruh negeri Perak di bawah naungan kerajaan Inggeris.

Setelah Perak menjadi negeri naungan Inggeris, maka Sultan Abdullah dan Datuk Maharaja Lela telah dibawa oleh Inggeris ke Singapura untuk dibicarakan atas tuduhan membunuh Birch.

Selama di Singapura, sementara menantikan pembicaraan, Sultan Abdullah dan Maharaja Lela di-tempatkan dalam sebuah rumah besar di Beras Basah Road. Tempat itu sekarang bertentangan dengan Sekolah Gambar Singapura.

Datuk Maharaja Lela, walaupun dengan tidak secara langsung telah menjadi tawanan Inggeris, tetapi dibenarkan memakai pakaianya — bersamping dan bersisip sebilah keris pusaka.

Pihak Inggeris membenarkan demikian — Kalau pun boleh dikatakan membenarkan — Datuk Maharaja Lela tidak lekang dengan kerisnya — kerana tidak ada supai-supai ataupun orang-orang handal Melayu atau Sumatera yang menjadi alat Inggeris berani menyuruh beliau menanggalkan kerisnya.

Sementara menantikan perbicaraan, pihak Inggeris telah mencari helah menanggalkan keris Datuk Maharaja Lela.

Usaha Inggeris itu akhirnya berjaya, apabila seorang pembesar Sultan terpengaruh dengan wang dan habuan wanita. Pembesar itu telah membuat perhubungan rapat dengan Datuk Maharaja Lela.

Setelah mesra betul pergaulan mereka, pembesar itu bertanyakan kepada Datuk Maharaja Lela kenapa dia tidak mahu menanggalkan kerisnya.

Di samping itu pembesar tersebut telah juga mengesyorkan supaya Datuk itu menyimpan sahaja keris tersebut, kerana tidak ada benda yang hendak dilawan.

Datuk Maharaja Lela telah terpengaruh dengan kata-kata pembesar itu yang mengatakan bahwa dalam negeri yang aman beliau tidak harus menyisip keris.

Pihak Inggeris tidak terus bertindak menangkap Datuk Maharaja Lela, setelah laporan diterima bahwa Datuk itu tidak memakai kerisnya lagi.

Tetapi pada suatu masa yang tidak disangka-sangka pihak Inggeris telah mengerah suatu pasukan supai-supai menangkap Datuk Maharaja Lela.

Datuk Maharaja Lela telah tidak dapat berbuat apa-apa atas serbuan supai-supai tersebut, kerana tangannya yang dirabakan ke arah pinggangnya telah tidak terpegang kepada ulu keris yang dahulunya selalu tersisip di situ.

Datuk Maharaja Lela telah dilokap dalam suatu bangunan lain, dan dikawal rapi.

Tuduhan yang dihadapi oleh Datuk Maharaja Lela ialah kesalahan kerana berperang, dan telah menyebabkan banyak pegawai-pegawai Inggeris terkorban.

### **Datuk Maharaja Lela digantung**

Dalam perbicaraan Datuk Maharaja Lela telah didapati salah dan dikenakan hukuman gantung sampai mati.

Menurut ceritanya Datuk Maharaja Lela tidak mati apabila digantung, tetapi tali penggantungnya putus.

Sebaliknya pihak Inggeris tetap menjalankan keputusan menggantung Datuk itu sampai mati. Akhirnya setelah tujuh kali digantung, dan tali gantung putus kemudian diganti dengan seutas tali lain, maka barulah Datuk Maharaja Lela menghembuskan nafasnya yang akhir.

Khabarnya pihak Inggeris takut mayat Datuk Maharaja Lela hidup kembali telah menyimin kubur Datuk itu dengan batu besi. Kubur Datuk Maharaja Lelapun tidak diketahui orang di mana letaknya kerana perkara itu sangat dirahsiakan oleh pihak Inggeris.

Oleh terlalu perasangka terhadap Datuk Maharaja Lela, pihak Inggeris telah tidak mahu negeri Perak mempunyai orang besar negeri yang bergelar Datuk Maharaja Lela lagi.

Selepas Datuk Maharaja Lela dibunuh, maka Datuk Laksamana Muhammad Amin, seorang lagi orang kuat Sultan Abdullah, telah dibicarakan di mahkamah.

Dalam perbicaraan itu Datuk Laksamana Muhammad Amin dapat membela dirinya dengan mengatakan bahwa dia mengaku membunuh pegawai-pegawai dan supai-supai Inggeris, "tetapi kerana mempertahankan Sultan daripada diserang dan dibunuh."

Hakim-hakim dalam perbicaraan itu telah mendapat kata sepakat, bahwa Datuk Laksamana Muhammad Amin tidak bersalah. Beliau kemudian telah dibebaskan.

Tetapi Datuk Laksamana Muhammad Amin enggan menurut kehendak Inggeris supaya balik ke Perak untuk terus menjadi Datuk Laksamana. Beliau muhu bersama dengan Sultan Abdullah hingga ke akhir hayatnya.

Pihak Inggeris kerana hendak mengambil hati orang-orang Perak, kemudian telah melantik Encik Hussin bin Tok Besak, ipar Datuk Panglima Kinta, menjadi Datuk Laksamana menggantikan Datuk Laksamana Muhammad Amin.

### **Sultan Abdullah Dibicarakan**

Sultan Abdullah telah dibicarakan di Singapura, tetapi tidak ada Hakim yang sanggup memberikan kata pemutus atas hukuman yang harus dikenakan ke atas Baginda.

Keputusan yang diperoleh ialah Sultan Abdullah harus dibicarakan di mahkamah yang lebih tinggi daripada yang ada di Singapura.

Keputusan itu telah menyebabkan Sultan Abdullah dibawa berlayar ke India untuk dibicarakan di mahkamah Inggeris yang ada di Madras.

Dalam perbicaraan itu, akhirnya Sultan Abdullah telah dikenakan hukuman buang negeri di Pulau Sychelles di benua Eropah.

Menurut ceritanya, Sultan Abdullah telah menghadapi 14 tuduhan. Tetapi dengan kebijaksanaan Raja Chulan, anak baginda itu, baginda telah terbebas daripada 10 tuduhan.

Pihak Inggeris telah merasa hairan melihat kecekapan dan kepetahan Raja Chulan yang tidak berkelulusan dalam ilmu undang-undang di Inner Temple atau Lincoln Inn, dapat berbahas dengan hakim-hakim besar Inggeris bagi membela bapanya.

Setelah Sultan Abdullah dikenakan hukuman buang negeri ke Pulau Sychelles, Encik Muhammad Amin, bekas Datuk Laksamana Perak telah dibenarkan untuk bersama baginda Sultan tinggal berada di sana.

### **Sultan Ismail Berlindung Di Johor**

Sultan Ismail, Raja Perak bagi daerah Larut, dalam perang yang secara mengejut itu dikatakan telah lari ke negeri Johor.

Di Johor Sultan Ismail tetap dengan kebesarannya sebagai seorang Raja yang lengkap dengan orang-orang besarnya.

Bagaimanapun beliau tidak mempunyai rakyat, malah dianggap sebagai Raja yang mencari perlindungan sahaja, sementara menunggukan ajal tiba.

Sultan Ismail telah diperkenankan berlindung di Johor oleh Sultan Abu Bakar ibn Al Marhum Maharaja Johor yang disegani oleh Queen Victoria.

## 10. PERAK SELEPAS PERANG

Setelah Sultan Abdullah dihukum buang negeri, dan Sultan Ismail berlindung di bawah kuasa kerajaan Johor, maka pihak Inggeris telah berusaha mencari ganti Sultan yang harus menjadi Raja baru negeri Perak.

Pihak Inggeris berbuat demikian ialah untuk mempengaruhi, dan menundukkan orang-orang Melayu Perak.

Setelah berbahas dengan orang-orang besar Perak yang bebas dari hukuman, dan diterima oleh pihak Inggeris tentang kebesaran jawatan mereka, maka suatu keputusan telah diperoleh — menabalkan Raja Yusof, menjadi Sultan seluruh Negeri Perak.

Malangnya Sultan Yusof, setelah ditabalkan hanya dapat berkuasa selama setahun sahaja. Baginda kemudian telah mangkat.

Mangkatnya Sultan Yusof, pihak Inggeris dan pembesar-pembesar Melayu Perak telah menabalkan Raja Muda Idris menjadi Sultan.

Raja Muda Idris bergelar Sultan Idris Shah. Baginda menjadi Sultan sejak dari tahun 1875 hingga 1922.

### Sultan Idris Shah

Negeri Perak telah maju dengan pesat di bawah pemerintahan Sultan Idris Shah.

Baginda telah mendesak pihak Inggeris supaya memenuhi syarat-syarat perjanjian antara Perak-Inggeris, supaya rakyat baginda mendapat pelajaran.

Sultan Idris Shah ialah orang yang bertanggungjawab atas pembentukan Maktab Babul Darajat atau lebih terkenal dengan nama Inggeris "Malay College" di Kuala Kangsar.

Baginda mendesak Inggeris supaya membina sebuah maktab pengajian bagi anak-anak orang-orang bangsawan, dan orang-orang besar negeri Perak.

Sebagai memenuhi kehendak itulah maka pihak Inggeris telah melengkapi "Malay College" dengan pensyarah-pensyarah terkemuka daripada benua Eropah.

Baginda benar-benar memerhatikan supaya rakyat mendapat didikan tinggi dalam lapangan pelajaran.

Sultan Idris Shah telah mendesak kerajaan Inggeris supaya membantu negeri Perak membina sebuah maktab pengajian Melayu untuk menggantikan Maktab Matang.

Pihak Inggeris, kerana hendak mengambil hati Sultan Idris Shah yang mempunyai pengaruh besar ke atas seluruh rakyat negeri Perak, telah bersetuju membina sebuah maktab baru di Tanjung Malim.

Tetapi malangnya apabila maktab tersebut terbina, Sultan Idris Shah telah mangkat.

Maktab itu, bagaimanapun, telah dinamakan dengan nama Inggeris "Sultan Idris Training College" atau sekarang ditukarkan kepada bahasa kebangsaan iaitu Maktab Perguruan Sultan Idris.

Al Marhum Sultan Idris Shah juga ialah orang yang bertanggungjawab mengenakan syarat kepada pihak Inggeris supaya jawatan Malayan Civil Service atau sekarang terkenal dengan nama Jawatan Perkhidmatan Awam hanya untuk dijawat oleh orang Melayu sahaja.

Negeri Perak sewaktu Sultan Idris Shah memerintah telah mempunyai suatu undang-undang yang hanya membenarkan orang-orang Melayu berhak melombong bijih.

Dengan syarat itu, bagaimanapun, tidak menyebabkan orang-orang bangsa asing yang sudah menjalankan perusahaan lombong harus menutup perusahaannya, tetapi mereka harus membayar 6% hasil usahanya kepada kerajaan negeri Perak.

Tetapi, malangnya, apabila mangkat Sultan Idris Shah undang-undang tersebut telah diubah dengan suatu pindaan.

Pindaan itu membenarkan orang-orang yang mempunyai pengalaman melombong, dan mempunyai modal yang cukup sahaja untuk menjalankan perusahaan melombong, dengan keistimewaan diberikan kepada orang-orang Melayu.

Pindaan itulah yang menyebabkan merosotnya kembali kedudukan orang-orang Melayu, khasnya di negeri Perak, dalam lapangan iktisad.

## **11. KISAH MAT SAMAN DAN SI BUNGA**

Apabila Perak aman semula, Mat Saman telah melangsungkan perkahwinannya dengan Long Fatimah.

Dia berkahwin dengan Long Fatimah, apabila isterinya di Balek Pulau mungkin kerana hasutan telah menuntut cerai. Mat Saman telah berkahwin dengan Long Fatimah di Telok Anson. Selepas perkahwinannya menghasilkan seorang anak lelaki yang diberi nama Muhammad Ali, Mat Saman dan keluarganya terpaksa berpindah ke Batu Gajah.

Mat Saman dan keluarganya berpindah ke Batu Gajah, kerana pihak Inggeris bercita-cita untuk memajukan daerah Kinta. Selama bermastautin di Batu Gajah, Mat Saman telah mendapat seorang anak lagi — anak perempuan yang diberi nama Mak Alang Aminah.

Selang tidak berapa lama, Mat Saman mendapati Batu Gajah tidak aman untuk dia dan keluarganya menetap. Mat Saman berpindah ke Ipoh.

Mat Saman berpindah ke Ipoh ialah untuk mengelakkan daripada ancaman kumpulan-kumpulan sulit China yang bermaharajalela di Batu Gajah.

Selama di Ipoh Mat Saman telah berkenal baik dengan Datuk Panglima Kinta Mohamad Yusof, dan mendapati Ipoh lebih mewah daripada Balek Pulau atau Batu Gajah.

Setelah mengambil ketetapan untuk bermastautin terus di Ipoh, Mat Saman telah menulis surat

kepada keluarganya di Balek Pulau supaya pindah ke Ipoh.

Mat Saman hidup dengan pendapatan lumayan, dan menjimatkan wang.

Hasil dari jimatnya, Mat Saman telah dapat membeli tanah untuk dia bermastautin dan menjalankan perusahaan kampung.

### Pertemuan Di Luar Sangkaan

Pada suatu hari Mat Saman telah pergi ke Kampar untuk melihat kawasan di situ, yang baru dibuka sebagai tempat perusahaan lombong.

Mat Saman telah terpegun sebentar. Fikirannya melayang kembali mengingati kisah yang telah berpuluhan-puluhan tahun berlaku apabila manusia yang berbadan tegap datang ke halanya.

Kejadian ini berlaku sewaktu Mat Saman sedang minum kopi di sebuah kedai di Kampar.

Setelah mengamat-amati, Mat Saman baru teringat bahawa orang yang mengagumkan fikirannya itu tak lain, dan tak bukan ialah si Bunga yang membunuh Birch.

Tetapi sebelum Mat Saman sempat memperkatakan: "Eh! meka Si Bunga," maka Si Bunga terus menghampirkan dirinya dan berkata: "Nama saya sekarang Chek Ah."

Si Bunga, yang sekarang memakai nama Chek Ah, terus mengajak Mat Saman singgah ke rumah dan dijamu makan oleh Chek Ah dengan sepas-puasnya.

Sambil makan, mereka berbual-bual kisah-kisah yang telah lalu, dan akhirnya mereka mengaku saudara.

Kedua-duanya telah berikrar tidak membuka  
rahsia siapa sebenar pembunuh J.W.W. Birch yang  
mengakibatkan DARAH MENGALIR DI PASIR  
SALAK.

**—TAMAT—**

1982  
28 DEC

Naskhab Pemeliharaan  
Perpustakaan Negara Malaysia

28 DEC 1982

## SIRI CERITA ANAK-ANAK YANG MASYHUR DAN MENARIK

SIRI CERITA ANAK-ANAK ini amat sesuai jadi bahan bacaan di samping menjadi galakan kepada minat anak-anak menggemari lapangan pembacaan. Di samping untuk memperkaya bahan bacaan, juga untuk membantu daya khayal mereka dari segi pendidikan akhlak dan budi-pekeristi. dihiasi dengan gambar-gambar sebagai penggerak minat mereka.

### JUDUL-JUDUL YANG SUDAH TERBIT:

1. MERAK EMAS
2. MULANYA ANJING  
MENJADI SAHABAT  
MANUSIA
3. RAJA BUNGSU  
SAKTI
4. PUTERI PATUNG  
CENDANA
5. LIMA BERADIK
6. DEWA MUDA
7. PUTERI KUNING  
EMAS
8. YATIM ANAK  
BUANG
9. AYAM JANTAN  
DENGAN NAGA
10. BURUNG TE-  
KUKUR BERTELUR  
EMAS.

### JUDUL-JUDUL YANG SEGERA TERBIT:

1. AWANG DENGAN  
TONGKAT SAKTI
2. KASUT KUNING AJAIB
3. PUTERI BAIK HATI
4. NAKHODA KULUP
5. TOK WALI
6. TUNGGU SEKEJAP
7. RAJA EMAS
8. TIGA BERADIK MISKIN
9. DUA ANAK YATIM
10. HIKMAT BATU SUNGAI

Dalam rangkaian SIRI CERITA ANAK-ANAK ini, akan segera terbit cerita-cerita anak-anak yang lebih menarik, dinilai dari segi pendidikan moral dan budi-pekeristi serta menghidupkan daya khayal anak-anak dalam pemikiran.

